

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**RUJUKAN : BL 5 [PR-1351-T00303]**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan kontraktor yang dipilih untuk memasang dan menyelenggarakan lampu jalan LED di Kuala Lumpur. Nyatakan jumlah nilai kontrak tersebut dan tempoh pemasangan lampu jalan LED ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, program penukaran lampu jalan sedia ada jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV) kepada lampu jalan LED telah bermula dari tahun 2014 hingga ke tahun 2016 melibatkan sebanyak 3,387 unit lampu jalan.

Walau bagaimana pun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menghadapi masalah pemantauan dan penyelenggaraan lampu jalan melalui kaedah rondaan harian secara manual untuk mengesan kerosakan lampu jalan LED tersebut di mana pekerja-pekerja ditugaskan untuk meronda dan melaporkan kerosakan lampu jalan.

Bagi mengatasi masalah tersebut, DBKL merancang untuk melaksanakan sistem pengurusan lampu jalan secara kawalan jarak jauh melalui penggunaan satu (1) perisian berkomputer bagi sistem pengurusan lampu jalan LED secara *online*. Melaluinya, Pusat Kawalan dapat memantau semua lampu jalan LED secara kawalan jarak jauh dan *online* di mana status lampu-lampu jalan khususnya yang mengalami kerosakan dapat dikenalpasti serta merta.

Maklumat kerosakan ini akan terus disalurkan kepada unit penyelenggaraan untuk memperbaiki kerosakan lampu jalan LED tersebut dan ini menjadikan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dijalankan dengan lebih cepat dan efisien serta memastikan lampu jalan LED berfungsi sepanjang masa.

Bagi tujuan tersebut, DBKL telah melantik satu (1) syarikat bagi pemasangan sebanyak 40,000 unit lampu jalan LED secara *retrofit* lengkap dengan perisian berkomputer sistem pengurusan lampu jalan LED dan penyenggaraan lampu jalan secara keseluruhannya. Nilai kontrak adalah RM122 juta bagi tempoh lima (5) tahun bermula 1 Ogos 2016 hingga 31 Julai 2021.

Sehingga kini sebanyak 11,387 unit lampu jalan LED telah siap dipasang di Pusat Bandar Kuala Lumpur (dalam lingkungan MRR1: Jalan Tun Razak – Lebuhraya Sultan Iskandar – Jalan Istana – Jalan Sungai Besi – Jalan Tun Razak).